PUBLIC BANK BERHAD

lwn.

PERWIRA HABIB BANK MALAYSIA BERHAD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
TUAN LOW HOP BING PK
[KES SIVIL NO. S6-22-138-90]
20 OKTOBER 1994

AMALAN & PROSEDUR: *Perintah Mahkamah - Pindaan - Perintah yang diluluskan bercanggah dengan keputusan dalam alasan penghakiman -Perintah dimeterai dan diluluskan dengan tepatnya seperti maksud Mahkamah - Samada perintah boleh dipinda - Kaedah "slip rule" - Samada terpakai - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 20 k.11, 92.*

Ini adalah permohonan oleh plaintif untuk meminda suatu perintah Mahkamah yang bermeterai di bawah A. 20 k.11 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi (KMT) 1980. Pada 20 Februari 1993, berikutan rayuan defendan terhadap satu keputusan Penolong Kanan Pendaftar, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman yang mendengar rayuan tersebut telah membuat perintah membenarkan rayuan berkenaan. Deraf perintah tersebut yang diluluskan kedua-dua pihak telah difailkan dan perintah bermeterai berhubung keputusan itu dikeluarkan oleh Mahkamah kemudiannya.

Plaintif memfail rayuan kepada Mahkamah Agung terhadap keputusan Pesuruhjaya Kehakiman dan berikutnya memperolehi sesalinan penghakiman bertulis bagi perintah tersebut. Dari penghakiman ini plaintiff mendapati bahawa Pesuruhjaya Kehakiman sebenarnya telah menolak rayuan defendan dan bukan membenarkannya sepertimana yang diputuskan pada 20 Februari 1993. Plaintif memajukan permohonan ini dan memohon Mahkamah menggunakan kuasanya dibawah A. 20 k.11 KMT 1980 untuk meminda perintah bertarikh 20 Februari 1993 itu atas alasan bahawa apabila rayuan defendan dipanggil untuk keputusan pada 20 Februari 1993 Pesuruhjaya Kehakiman telah dengan tidak sengaja mengatakan rayuan itu dibenarkan walhal niat sebenarnya ialah untuk menolak rayuan tersebut.

Soal yang timbul ialah samada dalam halkeadaan kes ini, Mahkamah boleh menggunakan kuasanya dan meminda perintah berkenaan selaras dengan permohonan plaintif.

Diputuskan:

[1] Mahkamah tidak mempunyai bidangkuasa di bawah A. 20 k.11 untuk meminda sesuatu perintah yang telah dimeterai kecuali penghakiman yang dirangka itu tidak dengan tepatnya menyatakan apa yang diputuskan oleh Mahkamah pada masa perintah itu dibuat. Perintah bertarikh 20 Februari 1993 di sini telah diisytiharkan oleh Pesuruhjaya Kehakiman dengan kehadiran Peguam-Peguam bagi kedua-dua pihak yang kemudiannya telah merangka perintah tersebut, meluluskan perintah itu secara draf dan menghantarnya kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, dan berdasarkan kepada perintah draf yang diluluskan itu, perintah berkenaan dimeterai oleh Mahkamah. Adalah jelas bahawa perintah tersebut dengan tepatnya mencerminkan maksud Mahkamah tanpa apa-apa kesilapan tulis, keciciran atau peninggalan tak sengaja seperti yang diperuntukkan di bawah A.20 k.11 KMT. Oleh hal yang demikian perintah tersebut tidak boleh dipinda oleh Mahkamah dan kaedah "slip rule" adalah jelas tidak terpakai. Dalam halkeadaan kes ini perintah tersebut juga tidak boleh diubahsuai atau dipinda di bawah kuasa sedia ada Mahkamah mengikut A. 92 k.4

[2] Fakta kes ini menunjukkan bahawa setelah memberi perintah pada 20 Februari 1993, Pesuruhjaya Kehakiman telah mengeluarkan sijil pada 28 April 1993 yang mengesahkan

bahawa beliau tidak memerlukan hujah lanjutan di Mahkamah. Adalah menjadi satu prinsip yang ketara bahawa sekiranya seorang Hakim telah mengeluarkan sijil tersebut, maka Mahkamah telah menjadi *functus officio* dan akan hilang kuasa untuk melakukan pindaan kepada perintah yang diberi itu.

[Permohoanan ditolak]

Kes-kes yang dirujuk:
Hock hua Bank Bhd. v. Sahari bin Murid [1981] 1MLJ 143 ***(diikuti)***
R. v. Cripps, exparte Mouldoon & Ors. [1984] 3 WLR 53 ***(dirujuk)***
Khoo Cheng Tat v. Lim Soon Teik & Anor. [1982] 1 MLJ.289 ***(dirujuk)***
Syarikat Marak Jaya Sdn. Bhd. v. Syarikat Masinda Sdn. Bhd. [1991] 2MLJ 417 ***(diikuti)***
Tung Lieng (Penang) Trading Co. Sdn. Bhd. v. Liew Cheong Thye [1986] 2MLJ 197 ***(diikuti)***
Lawrie v. Less 7 D APP.CAS 34 ***(dirujuk)***
Milson v. Carter [1893] AC.640 ***(dirujuk)***
Yap Leing Neo v. Tan Yew Chew & Anor.[1936] MLJ 113 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Kaedah-kaedah MahkamahTinggi 1980, A. 20 K. 11 A.92, K.4

Bagi pihak pemohon - Ira Biswas; T/n. Chooi & Co.
Bagi pihak defendan - Arthur Wong & T.H. Lian; T/n. Micheal Chen & Lee

PENGHAKIMAN

Low Hop Bing PK:
Kandungan 39 ini melalui saman dalam kamar adalah satu permohonan pihak plaintif untuk perintah bahawa perintah Mahkamah ini yang bertarikh 20 Februari 1993 diubahsuaikan atau dipinda seperti digariskan dengan dakwat merah dalam lampiran yang dikepilkan menurut Aturan 20 Kaedah 11 Kaedah-kaedah MahkamahTinggi 1980 dan/atau kuasa sedia ada Mahkamah, dan selanjutnya bahawa defendan membayar kos-kos permohonan ini sebagaimana ditaksirkan oleh pegawai Mahkamah yang berkenaan. Implikasi pindaan yang dipohon itu adalah untuk menterbalikkan (reverse) perintah yang telah diluluskan oleh kedua-dua pihak dan Mahkamah yang merupakan perintah yang dimeteraikan.

Alasan-alasan untuk permohonan ini adalah seperti dinyatakan dalam afidavit Azman bin Othman Luk Yang diikrarkan pada 3 September 1994.

Deponen adalah seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya dan merupakan seorang pembantu undang-undang dalam f irma Tetuan Chooi & Company, peguamcara bagi pihak plaintif. Beliau adalah peguamcara yang mengendalikan perkara ini.

Pada 11 Oktober 1991 defendan telah memfailkan suatu rayuan dalam tindakan ini kepada Hakim dalam Kamar terhadap suatu perintah yang telah diberi oleh Penolong Kanan Pendaftar yang bijaksana bertarikh 9 Oktober 1991, yang memerintahkan bahawa defendan harus membayar kepada plaintif jumlah wang sebanyak RM50,000 dan faedah selanjutnya pada kadar 8% setahun dari 16 Mac 1990 sehingga tarikh penjelasan.

Rayuan defendan tersebut telah dibicarakan di hadapan Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman ketika itu pada 7 Disember 1992, dan telah ditangguhkan ke 20 Februari 1993 untuk keputusan.

Pada 20 Februari 1993, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan telah memberi keputusannya, membenarkan rayuan defendan tersebut dengan kos.

Sesalinan perintah deraf dalam terma-terma keputusan tersebut telah difailkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah, dan telah dikeluarkan. Seterusnya sesalinan perintah yang bermeterai telah dikeluarkan oleh Mahkamah.

Pada 25 Mei 1993, plaintif dalam tindakan ini telah memfailkan notis rayuan kepada Mahkamah Agung melalui Rayuan Sivil Mahkamah Agung No. 03-45-93, terhadap keputusan Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman tersebut bertarikh 20 Februari 1993.

Sebagai suatu tindakan dalam rayuan plaintif kepada Mahkamah Agung tersebut, plaintif telah memohon alasan-alasan penghakiman yang tertulis dari Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman yang berkenaan.

Alasan-alasan penghakiman tersebut telah diambil oleh peguamcara plaintif dari setiausaha kepada Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman pada 5 April 1994, dan dimasukkan ke dalam Rekod Rayuan Tambahan. Akan tetapi, apabila alasan-alasan penghakiman tersebut dibaca, ianya didapati bahawa Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman sebenarnya mengatakan di situ bahawa beliau telah menolak rayuan defendan dengan kos. Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana juga telah mengemukakan alasan-alasan yang terperinci mengapa beliau telah **menolak** rayuan defendan.

Berdasarkan kepada maklumat ini, peguamcara plaintif telah cuba membuat carian fail Mahkamah untuk mengesahkan nota-nota dalam fail Mahkamah. Walaupun telah banyak kali pergi ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah, peguamcara plaintif masih belum berjaya untuk mendapat pengesahan tersebut oleh kerana fail Mahkamah tidak dapat dikesan.

Akan tetapi, deponen mengatakan bahawa dari kandungan alasan-alasan penghakiman tersebut, niat sebenar Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana tersebut adalah untuk **menolak** rayuan defendan dengan kos. Deponen menambahkan bahawa apabila rayuan defendan dipanggil untuk keputusan pada 20 Februari 1993, Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana telah **dengan tidak sengaja** mengatakan bahawa rayuan defendan **dibenarkan,** di mana sebaliknya niat sebenarnya adalah untuk **menolak** rayuan tersebut.

Kecuali mengenai keputusan (**membenarkan** atau **menolak** rayuan) yang dibuat oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman lain-lain fakta kes seperti yang dihuraikan di atas adalah tidak dipertikaikan. Apa yang dipertikaikan oleh kedua-dua pihak bolehkah disimpulkan sebagai isu yang berikut:

> Samada mahkamah harus menggunakan kuasa atau budibicara di bawah A.20, K.11, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, untuk mengubahsuaikan atau meminda sesuatu perintah bertarikh 20 Februari 1993 yang telah diluluskan oleh Peguam-Peguam bagi kedua-dua pihak dan dimeterai oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi dimana Pesuruhjaya Kehakiman telah membenarkan rayuan defendan tetapi dalam penghakiman bertulis oleh Pesuruhjaya Kehakiman yang sama pada 8 Mac 1994, perintah itu telah dijadikan satu perintah yang menolak rayuan defendan?

Bagi pihak plaintif yang memohon untuk meminda perintah bertarikh 20 Februari 1993, adalah dihujah bahawa Mahkamah boleh dan harus melakukan pindaan tersebut.

Defendan pula mengatakan bahawa perintah bertarikh 20 Februari 1993 memang telah pun dimeteraikan dan tidak patut dipinda.

Pada pendapat saya, jawapan saya kepada isu yang dirangka di atas adalah dalam negatif.

Isu tersebut membabitkan satu isu yang penting dalam prosidur sibil. Alasan-alasan saya adalah dirumuskan seperti berikut.

A.20, K.11 memperuntukkan bahawa,

> 11. Kesilapan tulis dalam penghakiman atau perintah, atau ralat yang berbangkit di dalamnya daripada apa-apa kecicirán dan peninggalan tak sengaja, boleh pada bila-bila masa diperbetulkan oleh Mahkamah melalui saman, tanpa rayuan.

Kuasa Mahkamah untuk meminda hendaklah berasaskan kepada:

(a) Kesilapan tulis;

(b) kecicirán; atau

(c) peninggalan tak sengaja.

Kaedah ini secara popular dikenali sebagai 'slip rule" dan kesan 'slip rule' ini telah dihuraikan dalam Mallal's Supreme Court Practice ms. 251, 20/11/1 (dalam bahasa asal) seperti berikut:

> Effect of the slip rule: the error must be an error in expressing what the Court intended at the time when the order was made. If the order as drawn up, correctly expresses that intention, it cannot be corrected under this Rule, even if it contains a mistake in law apparent on the face of it: *Karupaya v. Rumasamy Chetty & Anor*. 15 SSLR 3. See also *Meenambal v. Tan Kee Chong* [1934] MLJ. 280; [1934] SSLR.10.
>
> Once a judgment has been passed and entered the Court has no jurisdiction to amend it under the "slip rule' unless there has been an accidental slip in drawing up the judgment. or unless the judgment as drawn up does not correctly state what the Court actually decided and intended: *Hock hua Bank Bhd. v. Sahari bin Murid* [1981] 1 MLJ 143.

Mahkamah tidak mempunyai bidangkuasa di bawah A. 20, K.11 untuk meminda sesuatu perintah yang telah dimeterai kecuali penghakiman yang dirangka itu tidak dengan tepatnya menyatakan apa yang diputuskan oleh Mahkamah pada masa perintah itu dibuat.

Perintah bertarikh 20 Februari 1993 dalam kes ini telah pun diisytiharkan oleh Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana dengan kehadiran Peguam-Peguam bagi kedua-dua pihak yang kemudiannya telah merangka perintah tersebut meluluskan perintah secara draf, menghantarnya kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi dan berdasarkan kepada perintah draf yang telah diluluskan oleh kesemua pihak iaitu Peguam bagi pihak plaintif, Peguam bagi pihak defendan dan Timbalan Pendaftar, seterusnya dimeterai oleh Mahkamah. Tambahan pula, kesemua pihak telah pun bertindak dengan secara tepat dan tanpa apa-apa kesilapan atau keraguan. Tindakan-tindakan termasuk rayuan ke Mahkamah Agung yang telah difailkan oleh pihak yang kalah iaitu plaintif, terhadap keputusan Pesuruhjaya Kehakiman yang telah jelasnya **membenarkan** rayuan oleh pihak defendan. Adalah amat terang kepada saya bahawa perintah bertarikh 20 Februari 1993 yang dirangka, dilulus dan dimeterai.itu dengan tepatnya telah mencerminkan maksud (intention) Mahkamah, tanpa apa-apa kesilapan tulis, kecicirán atau peninggalan tak sengaja seperti yang diperuntukkan di bawah A.20, k.11.

Mahkamah Persekutuan dalam *Hock hua Bank Bhd. v. Sahari bin Murid* [1981] 1MLJ 143 memutuskan (dalam bahasa asal):

> Clearly the Court has no power under any application in the same action to alter, vary or set aside a judgment regularly obtained after it has been entered or an order after it is drawn up, except under the slip rule in O. 20 r. 11 Rules of the Supreme Court 1957 (O. 20 r. 11 Rules of High Court 1980)

Mahkamah Rayuan England dalam *R. v. Cripps, exparte Mouldoon & Ors.* [1984] 3 WLR 53, ketika menolak satu permohonan untuk meminda perintah Mahkamah mengatakan seperti berikut:

> to apply the slip rule in the present case would involve correcting an order, not on the basis that in the light of contemporary events or evidence but on the basis that eight months later the Judge thought that he intended, or must have intended, something which he certainly did not express formally or informally at the time of the decision.

Dalam *Khoo Cheng Tat v. Lim Soon Teik & Anor*. [1982] 1 MLJ.289, 290, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa:

> The general rule with regard to amendment of any order which has been drawn up is that no Court or Judge has power to alter or vary such order whether in an application in the original action or matter, or in a fresh action brought to review it. The object of such a rule is to ensure that those who are affected by the order can with certainty conduct themselves in relation to that order. There must however, be certain exceptions to this general rule if injustice is to be avoided and it has long been accepted that the Court has power to correct any clerical mistake caused by accidental slips or omissions, and to vary the order for the purpose of giving effect to its meaning and intention: see in *Re Swire Mellor v. Swire* in *Thynne v. Thynne* [1955] P.272, 313.

Satu faktor yang perlu dipertimbangkan oleh saya adalah bahawa di dalam permohonan ini, setelah memberi perintah pada 20 Februari 1993, Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana telah mengeluarkan sijil pada 28 April 1993 yang mengesahkan bahawa beliau tidak memerlukan hujah lanjutan di Mahkamah. Adalah telah menjadi satu prinsip yang ketara bahawa sekiranya seorang Hakim telah mengeluarkan satu sijil tersebut, maka Mahkamah telah menjadi *functus officio* dan akan hilang kuasa untuk melakukan pindaan kepada perintah yang diberi oleh Mahkamah. Dalam *Syarikat Marak Jaya Sdn. bhd. v. Syarikat Masinda Sdn. Bhd.* [1991] 2MLJ.417 Peh Swee Chin, H (pada ketika itu) memutuskan bahawa:

> A Court only loses all power to amend an order and is *functus officio* when a Judge issues a certificate requiring no further argument...

Di samping itu, Mahkamah Agung dalam *Tung Lieng (Penang) Trading Co. Sdn. Bhd. v. Liew Cheong Thye* [1986] 2MLJ 197 juga menggunakan prinsip yang ketara seperti berikut:

> The learned Judge purported to vary the terms of his order made in chambers after he had granted a certificate that he required no further argument .... In our judgment, the learned Judge had no jurisdiction to do this after he had certified in writing ... that he required no further argument.

Tambahan pula, dalam keadaan di mana sesuatu perintah telah dirangka dan dengan tepatnya mencerminkan maksud Mahkamah, perintah itu tidak boleh diubahsuaikan atau dipinda di bawah "slip rule' atau pun di bawah kuasa sedia ada Mahkamah mengikut A.92, K.4 (Lihat juga *Lawrie v. Less* 7 APP.CAS 34,35 dan *Milson v. Carter* [1893] AC.640.)

Jadi setelah perintah itu telah disempurnakan (perfected) Hakim bicara adalah *functus officio* dan dalam sifatnya sebagai Hakim bicara tiada kuasa lanjutan untuk mengkajisemula atau mengubahsuaikan atau memindahkan keputusannya di bawah kuasa "slip rule' atau lain-lain kuasa. Penghakiman bertulis yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana adalah bertarikh 5 Mac 1994 iaitu 13 bulan selepas perintah bertarikh 20 Februari 1993 dimeterai.

Adalah malangnya bahawa penghakiman bertulis itu adalah bertentangan dan bercanggah dengan perintah beliau sendiri. Penghakiman bertulis langsung tidak merujuk kepada perintahnya

yang telah diberi oleb beliau pada 20 Februari 1993. Dalam keadaan demikian, kes *Yap Leing Neo v. Tan Yew Chew & Anor.*[1936] MLJ 113 sedikit sebanyak telah memberi jawapan kepada dilemma ini. Keputusan kes itu adalah:

> When one and the same Court has given two decisions inconsistent one with the other and those decisions are given on the same point and between the same parties, that Court is, as a result, given the opportunity of, again and for the third time, adjudicating on the matter, possibly in a way inconsistent with both of the previous decisions.I do not think our law can produce a result as foolish and vexatious as that.
>
> Once it is established before me that the issue between the parties was then non-existent, the [later] judgment on that issue must, in may opinion, be treated as being null and non-existent'.

Atas alasan-alasan tersebut, saya menolak permohonan ini untuk memindakan perintah bertarikh 20 Februari 1993 dengan kos.